



# Mohd Zul Fauzi Mohamed Sawal

## Membesar dengan muzik

**P**ersonaliti yang ingin diketengahkan pada kali ini merupakan anak jati Kedah dan telah mengharumkan nama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dalam bidang sukan boling dan kebudayaan. Encik Mohd Zul Fauzi Mohamed Sawal atau nama panggilan mesranya 'G', itulah personaliti yang dimaksudkan iaitu Pegawai Kebudayaan Unit Kebudayaan dan Rekreasi (UKR), Jabatan Canselor UniMAP. Di UniMAP, beliau mahir bermain alatan muzik dan terkenal dengan gesekan biolanya yang sungguh mengasyikkan. Tambahan lagi, beliau juga telah menyandang juara boling lelaki yang menyumbangkan dua pingat emas dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Ke-32 yang telah berlangsung di UniMAP baru-baru ini.




Dilahirkan kira-kira 24 tahun yang lalu iaitu pada 24 Ogos 1983 di Alor Star, Kedah dan beliau merupakan anak bongsu daripada tiga orang adik-beradik. Iubapa beliau iaitu En. Mohamed Sawal Mohamed Rashid dan Puan Che Azizah Haji Din merupakan seorang pendidik. Lebih membanggakan, kebolehan dalam bidang muzik adalah mewarisi bakat semulajadi daripada bapa beliau sendiri yang juga merupakan seorang guru muzik. Beliau membesar dengan

muzik. Benarlah kata pepatah, ke mana tumpah hujan di bumbung kalau tidak ke cucuran atap. Kegemaran beliau pada masa lapang adalah dengan bermain boling dan permainan video.



Personaliti yang masih bujang ini telah mendapat pendidikan awal di Sek. Keb. Haji Idris, Tajar dan peringkat sekolah menengah di Sek. Men. Agama Kedah dalam aliran Sastera Ikhtisas. Beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Matrikulasi Perakaunan di Kolej IKIP Kuantan sebelum mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Utara Malaysia (UUM). Sepanjang pengajian di peringkat ijazah, beliau begitu aktif melibatkan diri dalam aktiviti atau kegiatan kampus. Antaranya ialah mewakili UUM dalam acara boling kejohanan MASUM dari 2002 hingga 2005, menyertai Pusat Seni dan Budaya UUM ke rakaman RTM untuk rancangan Ritma Menara dan Spektrum U serta menyertai "Malaysian Universities Symphony Orchestra" sebagai pemain biola. Personaliti ini yang juga pernah memegang jawatan sebagai Presiden Kelab Boling UUM dan siapa sangka beliau pernah dianugerahkan Anugerah Bintang Sukan dan Rekreasi pada tahun 2004.

Juara Boling ini sudah lama bergiat aktif di dalam bidang boling semenjak di bangku sekolah lagi. "Pada waktu itu saya masih berada di tingkatan empat. Saya bersama rakan, Anas Fadzil mulanya bermain secara suka-suka di pusat boling Kedah Bowl, City Plaza Alor Star. Saya tak pernah menyangka rupa-rupanya saya terus jatuh cinta dengan sukan boling ini dan atas dorongan serius daripada keluarga, saya berjaya mewakili Kedah untuk bertanding hingga ke peringkat kebangsaan pada hari ini", kata beliau apabila mengimbuai kembali saat mula-mula berkecimpung dalam bidang sukan boling ini. Namun begitu untuk pengetahuan bersama, beliau secara peribadinya menyatakan bukan mudah untuk sampai ke tahap ini. "Untuk mengekalkan kejayaan, kita



mesti menjalani latihan secara berterusan dan disiplin diri adalah amat penting. Jangan putus asa jika gagal dalam sebarang pertandingan, tetapi carilah kesilapan diri dan cuba atasinya dengan bimbingan jurulatih", ujar beliau yang sentiasa bersikap terbuka dan serba sederhana dalam kehidupan seharian.



Dari segi kerjaya, jejak berkulit hitam manis ini baru menyertai UniMAP lebih setahun iaitu pada Mei 2006. Walaupun masih setahun jagung bersama UniMAP, rupa-rupanya bakat yang dimilikinya

sudah menjadi sebutan dan tontonan ramai. Dalam prinsip kariernya, beliau mengamalkan sikap bertanggungjawab dan sentiasa bertoleransi di kalangan staf UKR. "Dato' Naib Canselor UniMAP adalah idola saya. Saya sedaya upaya untuk menaikkan nama UniMAP di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu, saya mahu menaiktarafkan UKR UniMAP menjadi terkenal dan disegani di kalangan IPTA. Itulah harapan saya untuk terus membangun bersama UniMAP", kata akhir beliau dengan penuh keyakinan.

### Kursus muzik cangkil banyak bakat baru



Disediakan oleh : Ismiza Noris Ismail